Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 22 Mei 2025

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRODUKTIVITI BURUH
SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 1.0 peratus pada suku tahun pertama 2025, mencatatkan RM42.5 setiap jam

PUTRAJAYA, 22 MEI 2025 – Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 1.0 peratus pada suku tahun pertama 2025, mencatatkan RM42.5 setiap jam, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Produktiviti Buruh, Malaysia, Suku Tahun Pertama 2025** pada hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Ekonomi Malaysia berkembang 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025 berbanding 4.9 peratus pada suku tahun keempat 2024, manakala jumlah jam bekerja meningkat 3.3 peratus bagi mencatatkan 9.8 bilion jam (ST4 2024: 3.5%; 9.7 bilion jam).”

Di samping itu, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa jumlah bilangan pekerja adalah 16.9 juta orang, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.0 peratus pada suku tahun pertama 2025 (ST4 2024: 16.8 juta orang; 2.7%), manakala produktiviti buruh per pekerja meningkat 1.3 peratus untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM24,580 seorang (ST4 2024: 2.1%; RM25,635 seorang).

Mengulas mengenai **prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per jam bekerja** pada suku ini didorong oleh pertumbuhan dalam **sektor Pembinaan** pada 11.3 peratus (ST4 2024: 18.7%), diikuti oleh **sektor Pembuatan** pada 2.8 peratus (ST4 2024: 2.2%), **sektor Perkhidmatan** pada 0.5 peratus (ST4 2024: 0.9%) dan **sektor Pertanian** pada 0.1 peratus

(ST4 2024: -1.9%), manakala **sektor Perlombongan dan pengkuarian** merosot pada negatif 0.9 peratus (ST4 2024: -2.4%).”

Walaupun produktiviti buruh per jam bekerja mencatatkan peningkatan kecil pada suku ini, **sektor Perkhidmatan** menunjukkan variasi prestasi bagi kebanyakan subsektor, iaitu Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (6.0%), Pengangkutan dan penyimpanan (4.3%), Perkhidmatan lain (2.8%), Maklumat dan komunikasi (0.8%) dan Perdagangan borong dan runcit (0.6%). Namun begitu, tiga (3) subsektor lain menunjukkan pertumbuhan negatif, iaitu Utiliti (-6.3%), Makanan & minuman dan penginapan (-2.5%) dan Kewangan dan insurans (-0.4%).

Sementara itu, kebanyakan subsektor menunjukkan pertumbuhan dalam produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor **Pembuatan** pada ST1 2025, termasuk Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (9.3%), Minuman dan produk tembakau (7.1%), Produk elektrik, elektronik dan optikal (6.6%), Produk tekstil, pakaian dan kulit (2.7%), Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (1.9%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (0.3%); kecuali Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (-6.1%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (-2.7%).

Dari segi **prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per pekerja**, **sektor Pembinaan** memacu prestasi keseluruhan dengan mencatatkan peningkatan memberansangkan sebanyak 13.2 peratus (ST4 2024: 19.7%) pada suku ini, diikuti oleh **sektor Pembuatan** pada 2.2 peratus (ST4 2024: 2.8%); **sektor Perkhidmatan** pada 0.8 peratus (ST4 2024: 1.8%) dan **sektor Pertanian** pada 0.3 peratus (ST4 2024: -1.9%), manakala sektor **Perlombongan dan pengkuarian** merosot pada negatif 3.2 peratus (ST4 2024: -1.1%).

Prestasi produktiviti buruh per pekerja bagi sektor **Perkhidmatan** pada suku tahun pertama 2025 disumbangkan oleh enam (6) subsektor, iaitu Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (5.1%), Pengangkutan dan penyimpanan (4.3%), Perkhidmatan lain (2.9%), Kewangan dan insurans (0.8%), Makanan & minuman dan penginapan (0.2%) dan Perdagangan borong dan runcit (0.1%); manakala dua (2) subsektor lain merosot iaitu Utiliti (-5.9%) dan Maklumat dan komunikasi (-0.1%).

Dalam pada itu, lima (5) subsektor mencatatkan peningkatan dalam produktiviti buruh per pekerja bagi **sektor Pembuatan** pada suku ini, iaitu Produk elektrik, elektronik dan optikal (6.4%), Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (6.3%), Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (1.1%), Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (1.0%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (0.9%). Sebaliknya, tiga (3) subsektor lain merosot, iaitu Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (-8.8%), Produk tekstil, pakaian dan kulit (-0.6%) dan Minuman dan produk tembakau (-0.1%).

Mengakhiri kenyataan beliau, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Dengan dorongan pertumbuhan pasaran buruh yang mampan, aktiviti perniagaan yang berkembang pesat dan pengukuhan modal insan, produktiviti buruh Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk prospek positif yang berdaya tahan walaupun berdepan cabaran dalam pembaharuan pasaran buruh dan ketidaktentuan ekonomi. Justeru, kewujudan pelaksanaan strategik dan pembangunan tenaga kerja adalah penting dalam memastikan peningkatan kecekapan buruh.”

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperoleh daripada portal *Malaysia Labour Market Interactive Data* (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/ atau imbas kod QR di bawah.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema *'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Carta 1: Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Carta 2: Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 MEI 2025